

PEMBELAJARAN SOSIAL DAN PENGAMALAN AKHLAK DALAM  
KALANGAN PELAJAR BERMASALAH DISIPLIN DI SEKOLAH MENENGAH

SUHAIMI BIN ABD RAHMAN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan Ijazah  
Sarjana Falsafah

Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia

FEBRUARI 2017

## **DEDIKASI**

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani.

Segala pujian atas limpah dan kurnia Allah S.W.T tuhan seluruh alam.

Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Berkat perjuangan baginda saya mendapat taufik dan hidayah

Buat ayah dan bondaku,

**Hj Abd Rahman bin Sulaiman dan Hjh Zainab bte Othman**

Terima kasih dalam setiap doa dan restu kalian

**Isteri tercinta Pn Norsilawati bt Md Arshad**

Sokonganmu tidak berbelah bahagi, akan abang kenang sepanjang hayat

Terima kasih juga di atas segalanya kerana sentiasa berada disisiku

Pengorbananmu dan kesabaranmu disanjung tinggi

**Adik-adik ku**

Sentiasalah doakan daku

**Buat teman-teman seperjuangan**

Terima kasih atas sokongan

Segala pertolongan, bantuan dan keikhlasanmu tidak

termampu saya balas. Hanya Allah sahaja yang mampu mengurniakan ganjaran atas pertolonganmu. Dialah yang maha Berkuasa Atas Segalanya.

Semoga Allah permudahkan setiap urusan kita semua.

## **PENGHARGAAN**

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Dan Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah S.W.T. dan salam atas Nabi Muhammad S.A.W serta keluarga dan sahabatnya. Dengan Taufik Dan HidayahNya dapatlah saya menyempurnakan kajian ini.

Di kesempatan ini, ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Dr. Kamarul Azmi bin Jasmi selaku penyelia kajian ini yang begitu berdedikasi memberi ilmu, tunjuk ajar, nasihat dan buah fikiran yang sangat bermanfaat sepanjang menyempurnakan tesis kajian ini. Terima kasih juga dirakamkan kepada rakan-rakan guru sekolah menengah yang terlibat dalam memberi kerjasama dan membantu dalam tugas akhir menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, salam penghargaan buat isteriku yang sabar dan sentiasa memberi bantuan serta motivasi juga ahli keluargaku serta rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan projek ini. Tidak lupa juga buat semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses penghasilan tesis kajian ini.

Wassalam. Sekian, terima kasih

## ABSTRAK

Masalah disiplin pelajar di sekolah menengah masih lagi hangat diperkatakan dalam kalangan masyarakat hari ini. Masalah disiplin tersebut berpunca daripada kegagalan asuhan ibu bapa, gaya pendidikan guru, pengaruh rakan sebaya, dan pengaruh media sosial. Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti tahap perkaitan faktor pembelajaran sosial; ibu bapa, guru, rakan, jiran, dan artis; mengenalpasti tahap pengamalan akhlak peribadi, sosial, dan agama pelajar; mengenalpasti perbezaan perkaitan faktor pembelajaran sosial dan mengenalpasti perbezaan pengamalan akhlak berdasarkan latar belakang demografi serta mengenalpasti hubungan antara perkaitan faktor pembelajaran sosial dengan pengamalan akhlak pelajar. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif jenis korelasi melibatkan 269 orang responden yang dipilih secara persampelan bertujuan dari sekolah-sekolah menengah dalam daerah Johor Bahru. Soal selidik yang digunakan ialah Inventori Akhlak Pelajar Sekolah Menengah oleh Azhar Ahmad (2006) yang mempunyai nilai *Cronbach alpha* 0.7. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science Version 20.0* (SPSS versi 20.0). Analisis deskriptif menunjukkan faktor ibu bapa mencatatkan nilai min tertinggi, iaitu 4.32, diikuti faktor guru, faktor rakan, dan faktor jiran. Manakala min terendah ialah 2.91 dari faktor artis. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pengamalan akhlak responden terhadap agama mencatatkan nilai min tertinggi, iaitu 3.63, diikuti akhlak sosial 3.54 dan akhlak peribadi 2.73. Hasil ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang amat signifikan antara faktor pembelajaran sosial dengan pengamalan akhlak, iaitu ( $r=0.476$ ) berbanding aras signifikan  $\alpha = 0.05$ . Ibu bapa harus menunjukkan gaya asuhan yang baik dalam mendisiplinkan anak menerusi pengamalan akhlak. Selain ibu bapa, pihak sekolah dan guru mempunyai peranan serta tanggungjawab tertentu yang saling bergantung antara satu sama lain dalam menangani pelajar bermasalah disiplin.

## ABSTRACT

Disciplinary problems among students in secondary school has been a serious issue in our country lately. The cause of this disciplinary issue was due to the failure of parental care, teachers awareness in terms of teaching style, peers and social media influences. Thus, the aim of this research is to identify the level of correlation factor of social learning that involved parents, teachers, peers, neighbours and artistes; to identify the practice level of personal ethics, social and religious of students; to identify the differences of correlation factors in the social learning and to identify the differences of ethics practicing based on demographics background and to identify the correlation factors of the social learning and the practice of ethics in students' daily life. This research employed correlation quantitative research design which involved 269 respondents which was chosen based on purposive sampling from secondary schools in the District of Johor Bahru. The questionnaires of Ethics Inventory of Secondary School Students were adopted from Azhar Ahmad (2006), which showed Cronbach Alpha 0,7. The data was analyzed using the Statistical Package for Social Sciences Version 20.0 (SPSS version 20.0). Analytical discription showed that the factor of parents was at the highest mean of 4.32, followed by teachers, peer, neighbours and the lowest mean from artistes factor. The result showed that the ethics practice in terms of religion was moderate with the mean score of 3.63, then followed by social ethics which was moderate with the mean score of 3.54 and lastly the personal ethics was also moderate with the mean score of to 2.73. Based on the correlation analysis, it showed strong significant relation between social learning and the ethics practice, which was ( $r = 0.476$ ) compared to significant level  $\alpha = 0.05$ . The parents should emphasis on effective parenting style in order to discipline their child through the ethics practice. In other words, parents, field of education and teachers, must play an important role among each other to tackle and solve the disciplinary problems in schools.

**KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
	<b>PERAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>viii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xivi</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xviii</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xx</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xxi</b>
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	4
	1.3 Pernyataan Masalah	9
	1.4 Objektif Kajian	13

1.5	Persoalan Kajian	13
1.6	Hipotesis Kajian	14
1.7	Kerangka Teori Kajian	15
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	16
1.9	Kepentingan Kajian	18
	1.9.1 Kurikulum Pendidikan	18
	1.9.2 Ibu bapa	19
	1.9.3 Guru dan Sekolah	20
1.10	Batasan Kajian	21
1.11	Definisi Operasional	21
	1.11.1 Pembelajaran Sosial	22
	1.11.2 Akhlak	22
	1.11.3 Pelajar Sekolah	23
	1.11.4 Disiplin	24
1.12	Penutup	24
<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>25</b>
2.1	Pendahuluan	25
2.2	Teori dan Konsep	26
	2.2.1 Teori Pembelajaran Sosial Imam Ghazali	26
	2.2.2 Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura	27
2.3	Elemen Pembelajaran Sosial	29
	2.3.1 Ibu bapa	29
	2.3.2 Guru	31

2.3.2	Rakan Sebaya	32
2.3.4	Jiran	32
2.3.5	Artis	33
2.4	Elemen Akhlak Islam	34
2.4.1	Teori Akhlak Imam Ghazali	35
2.4.2	Teori Akhlak Darraz	36
	2.4.2.1 Akhlak Peribadi	38
	2.4.2.2 Akhlak Sosial	39
	2.4.2.3 Akhlak Agama	39
2.5	Kajian-kajian Lepas	40
2.5.1	Kajian Dalam Negara	40
2.5.2	Kajian Luar Negara	43
2.6	Penutup	50
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>51</b>
3.1	Pendahuluan	51
3.2	Reka Bentuk Kajian	51
3.3	Prosedur Kajian	52
3.4	Populasi, Sampel dan Tempat Kajian	54
3.5	Instrumen Kajian	56
	3.5.1 Bahagian A : Butir-butir Diri Responden	57
	3.5.2 Bahagian B : Faktor Pembelajaran Sosial	57
	3.5.3 Bahagian C : Inventori Penghayatan Akhlak	58
	3.5.4 Skala Jawapan Responden	60



3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	62
3.6.1	Kesahan Kandungan dan Muka	62
3.6.2	Kajian Rintis	63
3.6.3	Nilai Kebolehpercayaan Instrumen	64
3.7	Pentadbiran Kajian	65
3.8	Penganalisaan Data	65
3.8.1	Analisis Deskriptif	66
3.8.2	Analisis Inferensi	67
3.8.3	Ujian Perbezaan	67
3.8.4	Analisis Korelasi	68
3.9	Penutup	70
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>71</b>
4.1	Pendahuluan	71
4.2	Profil Responden	72
4.2.1	Taburan Responden : Jantina	72
4.2.2	Taburan Responden : Pendapatan Ibu bapa	73
4.2.3	Taburan Responden : Pekerjaan Bapa	74
4.2.4	Taburan Responden : Pekerjaan Ibu	74
4.3	Analisis Tahap Perkaitan Faktor Pembelajaran Sosial-Ibu bapa, Guru, Rakan, Jiran dan Artis	75
4.3.1	Analisis Pembelajaran Sosial Ibu bapa	76
4.3.2	Analisis Pembelajaran Sosial Guru	78
4.3.3	Analisis Pembelajaran Sosial Rakan	80

4.3.4	Analisis Pembelajaran Sosial Jiran	82
4.3.5	Analisis Pembelajaran Sosial Artis	84
4.4	Analisis Deskriptif Tahap Pengamalan Akhlak Peribadi, Sosial dan Agama Responden	86
4.4.1	Analisis Pengamalan Akhlak Keseluruhan	86
4.4.2	Analisis Pengamalan Akhlak Peribadi	87
4.4.3	Analisis Pengamalan Akhlak Sosial	89
4.4.4	Analisis Pengamalan Akhlak Agama	91
4.5	Analisis Inferensi Perkaitan Pembelajaran Sosial Berdasarkan Latar Belakang Demografi	93
4.5.1	Perbezaan Perkaitan Pembelajaran Sosial Dengan Jantina Responden	93
4.5.2	Perbezaan Perkaitan Pembelajaran Sosial Dengan Pendapatan Ibu bapa Responden	94
4.5.3	Perbezaan Perkaitan Pembelajaran Sosial Dengan Pekerjaan Ibu	95
4.5.4	Perbezaan Perkaitan Pembelajaran Sosial Dengan Pekerjaan Bapa	96
4.6	Analisis Inferensi Pengamalan Akhlak Berdasarkan Latar Belakang Demografi	96
4.6.1	Perbezaan Pengamalan Akhlak Responden Dengan Jantina	97
4.6.2	Perbezaan Pengamalan Akhlak Responden Dengan Pendapatan Ibu bapa	97

4.6.3	Perbezaan Pengamalan Akhlak Responden Dengan Pekerjaan Ibu	98
4.6.4	Perbezaan Pengamalan Akhlak Responden Dengan Pekerjaan Bapa	99
4.7	Analisis Inferensi Hubungan Antara Pembelajaran Sosial Dengan Pengamalan Akhlak Responden	99
4.8	Penutup	100
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	<b>101</b>
5.1	Pendahuluan	101
5.2	Rumusan	101
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	103
5.3.1	Faktor Pembelajaran Sosial	103
5.3.2	Pengamalan Akhlak Peribadi, Sosial Dan Agama	107
5.3.3	Perbezaan Perkaitan Pembelajaran Sosial Berdasarkan Latar Belakang Demografi	109
5.3.4	Perbezaan Pengamalan Akhlak Berdasarkan Latar Belakang Demografi	111
5.3.5	Hubungan Antara Faktor Pembelajaran Sosial Dengan Pengamalan Akhlak	112
5.4	Implikasi Kajian	114
5.4.1	Pengkaji	114
5.4.2	Bidang Pendidikan	114

5.4.3	Ibu bapa	115
5.4.4	Pelajar	116
5.5	Cadangan Kajian	117
5.5.1	Kementerian Pendidikan Malaysia	117
5.5.2	Ibu bapa	118
5.5.3	Pelajar	118
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	119
5.7	Penutup	120
<b>RUJUKAN</b>		<b>121-128</b>
<b>LAMPIRAN A-D</b>		<b>129-139</b>

## SENARAI JADUAL

NO.JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Bilangan sekolah dan jumlah sampel kajian	55
3.2	Penentuan saiz sampel Krejcie, R.V. & Morgan D.W. 1970	56
3.3	Taburan item faktor pembelajaran sosial	58
3.4	Inventori kategori pengamalan akhlak pelajar	59
3.5	Taburan item bagi pengamalan akhlak responden	60
3.6	Taburan pemeringkatan Likert pembelajaran sosial	61
3.7	Taburan pemeringkatan Likert inventori pengamalan akhlak	61
3.8	Senarai panel pakar kesahan kandungan dan tahap persetujuan item soal selidik	63
3.9	Dapatan nilai pekali alpha Cronbach dalam kajian rintis	64
3.10	Interpretasi skor min	66
3.11	Interpretasi nilai korelasi $r$	68
3.12	Kaedah analisis berdasarkan objektif	69

4.1	Taburan kekerapan mengikut jantina responden	72
4.2	Taburan kekerapan mengikut pendapatan ibu bapa responden	73
4.3	Taburan kekerapan mengikut pekerjaan bapa responden	74
4.4	Taburan kekerapan mengikut pekerjaan ibu responden	74
4.5	Taburan min faktor pembelajaran sosial responden	75
4.6	Taburan kekerapan faktor pembelajaran sosial ibu bapa	76
4.7	Taburan kekerapan faktor pembelajaran sosial guru	78
4.8	Taburan kekerapan faktor pembelajaran sosial rakan	80
4.9	Taburan kekerapan faktor pembelajaran sosial jiran	82
4.10	Taburan kekerapan faktor pembelajaran sosial artis	84
4.11	Taburan min pengamalan akhlak responden	86
4.12	Taburan kekerapan pengamalan akhlak peribadi responden	87
4.13	Taburan kekerapan pengamalan akhlak sosial responden	89
4.14	Taburan kekerapan pengamalan akhlak agama responden	91
4.15	Perbezaan perkaitan pembelajaran sosial berdasarkan jantina	94
4.16	Perbezaan perkaitan pembelajaran sosial berdasarkan pendapatan ibu bapa	94
4.17	Perbezaan perkaitan pembelajaran sosial berdasarkan Pekerjaan ibu	95
4.18	Perbezaan perkaitan pembelajaran sosial berdasarkan Pekerjaan bapa	96
4.19	Perbezaan pengamalan akhlak berdasarkan jantina	97
4.20	Perbezaan pengamalan akhlak berdasarkan pendapatan	

	ibu bapa	98
4.21	Perbezaan pengamalan akhlak berdasarkan pekerjaan ibu	98
4.22	Perbezaan pengamalan akhlak berdasarkan pekerjaan bapa	99
4.23	Hubungan antara pembelajaran sosial dengan pengamalan akhlak	100

**SENARAI RAJAH**

<b>NO.RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
1.1	Kerangka teori kajian	16
1.2	Kerangka konseptual kajian	17
3.1	Prosedur kajian	53



**SENARAI SINGKATAN**

SEM	<i>Structural Equation Modeling</i>
IPAPSM	Inventori Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SP	Sisihan Piawai
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
BPPP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan
JPNJ	Jabatan Pendidikan Negeri Johor
PAFA	Penilaian Asas Fardhu Ain

## **SENARAI LAMPIRAN**

- A Borang soal selidik
- B Pengesahan status pelajar
- C Surat kebenaran menjalankan kajian dari KPM
- D Surat kebenaran menjalankan kajian dari JPNJ

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Pendidikan merupakan pandangan paradigma pada minda bersifat keseluruhan, bersepadu dan keseimbangan. Struktur pendidikan Islam yang dilihat bersifat holistik atau menyeluruh yang meliputi elemen rohani, emosi, jasmani dan intelek secara keseluruhan yang diguna pakai bagi memantapkan keseluruhan perkara dalam kehidupan (Zulkifli, 2011). Oleh itu, kaedah yang tepat dalam menggarap kejayaan yang sebenar tidak hanya memfokuskan kepada pembangunan pendidikan luaran semata-mata, tetapi juga pembentukan akhlak dan rohani juga perlu di titik beratkan sepertimana dituntut dalam Islam (Nasir, 2010). Seterusnya sistem pendidikan Islam perlu dilihat seimbang kerana sistem tersebut membentuk kebahagiaan hidup manusia di dunia dan akhirat.

Struktur pembangunan modal insan perlu diperhalusi dari pelbagai aspek termasuklah dalaman dan luaran. Bagi konsep pembinaan jiwa manusia yang di kemukakan oleh Datuk Seri Abdullah Badawi sewaktu memegang jawatan Perdana Menteri suatu masa dahulu adalah suatu usaha meningkatkan dan membina jati diri rakyat dalam kehidupan (Utusan, 2005). Hal ini demikian perlu dilihat sebagai salah suatu usaha pembangunan insan oleh kerajaan yang mana boleh disifatkan keseluruhan dimulakan dari kecil sehinggalah dewasa (Nasir, 2010). Meningkatkan pencerahan minda dalam masyarakat berkenaan pendidikan rohani khususnya pendidikan akhlak

memberi kesan yang menyeluruh terhadap usaha bagi meningkatkan dan memperkukuhkan lagi sistem pendidikan negara (Mohamad Isa, 2011). Hal ini demikian disebabkan pendidikan adalah alat paling penting bagi membentuk potensi dalam diri dan membina jiwa dan akhlak seterusnya memantapkan ketamadunan umat Islam (Zulkifli, 2011).

Sejarah dunia menunjukkan cara pendidikan yang berpaksikan prinsip Islam mampu membentuk pembangunan manusia khususnya peradaban Islam (Nasir, 2010). Selain itu, pendidikan Islam secara holistik mampu meningkatkan kehebatan manusia daripada pelbagai sudut pandangan tidak kira dalam agama atau pun duniawi ulama yang pernah wujud pada suatu ketika dahulu mampu mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang (Mohamad Isa, 2011).

Maksud pendidikan jika diteliti, pendidikan tidak dapat lari daripada nilai akhlak dan adab Suhid (2005c) menjelaskan bahawa al-Ghazali pernah menegaskan pendidikan adalah kaedah dalam menerapkan akhlak pada setiap manusia agar dapat membezakan antara yang benar dan yang salah. Al-Attas (1980) menyokong pandangan ini menekankan berkenaan pendidikan adalah kaedah membina akhlak dalam diri manusia.

Pendidikan akhlak sudah diterapkan dalam diri individu sudah bermula sejak zaman kegemilangan Greek oleh semua ketamadunan tidak kira ianya agama samawi ataupun tidak. Sistem persekolahan yang wujud adalah bagi membentuk pendidikan berteraskan nilai dan ilmu (Mohamad Isa, 2011). Oleh itu, institusi pendidikan adalah kaedah yang khas dalam membina akhlak yang terbaik (Nasir, 2010). Suhid (2005b) menyatakan institusi pendidikan ialah sarat nilai dan guru adalah penyebar nilai akhlak. Mulai pertengahan 1960-an, berlaku kebangkitan semula revolusi pendidikan yang menekankan peranan sekolah bagi membina nilai akhlak manusia. Greenland (1980), menekankan bahawa pendidikan akhlak diwajibkan dalam membina manusia yang bertamadun dan bernilai kepada masyarakat.

Pelbagai kaedah dan usaha telah dilakukan bagi membentuk nilai akhlak sejak dahulu lagi dan sentiasa berubah dari masa ke semasa mengikut perubahan di Malaysia (Zulkifli, 2011). Nilai mulia yang dipupuk secara berterusan kepada pelajar bukan

Islam dengan mata pelajaran Pendidikan Moral dan pelajar Islam dengan mata pelajaran Pendidikan Islam (Mohamad Isa, 2011). Walau bagaimanapun, kemerosotan akhlak dan moral yang semakin meningkat kini semakin teruk. Semua pihak menyalahkan di antara satu sama lain. Disebabkan itulah kaedah yang tepat perlu dilaksanakan bagi mencapai matlamat dalam membina manusia berakhlak dan nilai tambah yang berterusan dalam masyarakat (Nasir, 2010).

Menekankan aspek pembangunan akhlak sebagai suatu gagasan bagi menjamin pembangunan negara yang mampan dan seimbang dinyatakan dengan jelas sebagai salah satu cabaran Wawasan 2020, satu laporan ucapan Tun Dr. Mahathir, yang memetik; “Bagi mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika sepenuhnya yang rakyatnya kuat beragama dan nilai kerohanian serta disemai dengan nilai etika paling tinggi” (*The Way Forward-Vision 2020*, 2008). Dijelaskan oleh Chapra (1998), dalam konteks pembangunan ekonomi dan politik dalam sesebuah negara, pembangunan akhlak dalam pembangunan manusia yang seimbang dan bersepadu akan menjamin pembangunan ekonomi yang mampan. Bagi kekuatan politik yang akan menjamin kelangsungan dan kecemerlangan bangsa dan negara secara berterusan (Noordin, 1999). Al-Attas (1980) menyatakan pembangunan yang tidak seimbang dan tidak mengambil kira aspek pembangunan insan secara keseluruhan dalam konteks fitrahnya sebagai insan ciptaan Allah SWT akan mewujudkan kekosongan dari segi pengisian ruh (spiritual vacuum) dalam diri manusia, keliru tentang dirinya (fitrah kejadiannya) serta hubungan dengan Penciptanya dan alam sekitarnya.

Melihat kepada masalah yang berkaitan dengan akhlak ini semakin menjalar, sistem pendidikan akhlak tidak hanya tertumpu pada pembelajaran di dalam kelas semata-mata, malah, aspek pembelajaran di luar kelas perlu juga diberi penekanan (Mohamad Isa, 2011). Setiap anggota masyarakat dan entiti sosial perlu melibatkan diri secara langsung dalam perkembangan akhlak remaja (Nasir, 2010). Hal ini demikian kerana Suhid (2005a), menyatakan faktor sosial kebanyakannya memperkaitkan sikap, nilai dan tingkah laku di sepanjang zaman kanak-kanak dan remaja. Reed (2010) memberi berpendapat bahawa pembelajaran sosial berlaku secara tidak langsung kerana beliau melihat pembelajaran sosial ini sebagai perubahan sosial yang manusia belajar daripada satu sama lain dan memberi faedah kepada sistem sosio-ekologi. Justeru, proses pembelajaran sosial dalam pendidikan berteraskan

akhlak bukan sahaja memberi faedah kepada remaja, malah juga memberi faedah kepada keseluruhan sistem (Zulkifli, 2011). Individu yang mempunyai identiti diri sebagai remaja muslim yang berpegang kepada agama Islam bakal berjaya menghindari diri daripada masalah juvana serta masalah psikologi yang berlaku pada hari ini (Suhid, 2005b). Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat sejauh mana faktor pembelajaran sosial dalam membentuk akhlak yang positif dalam kalangan para pelajar sekolah menengah daerah Johor Bahru.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Sejak tahun 1990 sektor pendidikan telah berkembang pesat dalam meningkatkan akses ekuati dan kualiti dalam pendidikan. Namun bergitu masih banyak yang perlu dilaksanakan untuk melonjakkan sistem pendidikan negara ke tahap yang setara dengan negara maju dan bertaraf dunia. Hal ini selaras dengan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia (2006) bahawa kualiti pendidikan perlu diperbaiki dan dimantapkan supaya sistem dan institusi pendidikan dapat membangunkan modal insan yang menguasai ilmu dan kemahiran tinggi, menjunjung nilai budaya bangsa, memiliki semangat patriotisme yang utuh, mempunyai daya saing yang tinggi dan berwibawa.

Pelbagai pihak jelas berkenaan pembangunan akhlak yang diperlukan dalam masyarakat (Zulkifli, 2011). Individu harus mempunyai nilai akhlak yang positif bagi membentuk kehidupan yang sempurna sebaliknya nilai akhlak yang negatif memberi kesan yang buruk dalam diri individu. Hashim (2005) menyatakan nilai positif dalam diri masyarakat semakin teruk dan membarah. Bagaimanapun cara pemikiran dan peradaban masyarakat tidak mengalami sebarang kemajuan seperti berada dalam keadaan yang sama dan seolah-olah semakin mundur (Zulkifli, 2011).

Pembinaan nilai akhlak dapat diterapkan dalam pendidikan Islam melalui pemantapan akidah. Banyak nas dan dalil yang dinaqalkan oleh para sarjana Islam dalam memberikan ulasan berkenaan kepentingan dalam memantapkan akidah bagi

membentuk akhlak yang baik. Contohnya, “Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya” (Imam Ahmad, Juz 3, no.7406) dan “*Tidak sempurna iman seseorang itu sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri*” (Sahih Bukhari, Jilid 1, Bil.10). Menurut Suhid (2005c), penerapan nilai akhlak bermula daripada intipati tauhid kepada Allah SWT. Tingkah laku akhlaknya adalah kayu pengukur bagi kepercayaan akidah seseorang (Hasan, 1987).

Kepercayaan akidah merupakan satu asas dalam membentuk akhlak seseorang. Tanpa kepercayaan akidah yang betul dan kuat, pembentukan akhlak melalui pendidikan tidak akan mantap dan tidak akan berterusan (Nasir, 2010). Pendidikan agama melalui kepercayaan akidah berupaya mengubah paradigma pemikiran manusia dan seterusnya mengubah akhlak mereka (Mohamad Isa, 2011). Oleh itu, menurut Suhid (2005b), orang yang mempunyai pendidikan agama yang jelas akan cenderung menunjukkan akhlak yang terbaik dalam masyarakat. Menurut Ibnu Athir, akhlak merupakan suatu pembentukan dalaman manusia yang dizahirkan pada luaran. Akhlak juga adalah bentuk keadaan jiwa (al-nafs) yang mendorong diri untuk melakukan sesuatu tingkah laku tanpa berfikir kerana menjadi kebiasaan (Miskawaih, 1966).

Menurut Chapra (1998) ekonomi yang mantap ditentukan oleh akhlak masyarakat dalam kehidupan seharian serta kekuatan politik yang akan menjamin kelangsungan dan kecemerlangan bangsa dan negara secara berterusan (Noordin, 1999). Akhlak adalah satu sendi yang mana menyimpul kukuh perhubungan dalam sesebuah masyarakat sehingga dapat menjamin kewujudan, kestabilan, keamanan, dan kesejahteraan dalam sesebuah masyarakat (Mohamad Isa, 2011). Disokong oleh Bennabi (2008) yang menyatakan bahawa sendi keutuhan negara ditentukan oleh akhlak rakyatnya. Di samping itu, menurut Zulkifli (2011) agama merupakan kaedah yang paling hebat dalam membina akhlak dan nilai dalam masyarakat dan seterusnya membangunkan masyarakat kepada suatu tahap pencapaian yang luar biasa.

Media masa banyak menyalurkan perkembangan dan maklumat kepada masyarakat terutamanya berkaitan hal ehwal semasa, berita luar mahupun dalam negara. Media juga turut memberi manfaat kepada perkembangan pendidikan masa kini (Zulkifli, 2011). Namun tidak dinafikan dalam masa yang sama media massa juga

mungkin akan menyumbang ke arah kesan negatif yang penyebab berlakunya keruntuhan akhlak remaja masa kini hasil daripada bahan dan rancangan media massa yang dipaparkan dalam negara (Tamuri & Ismail, 2009). Hal ini diakui bahawa daripada hasil penelitian para pengkaji menunjukkan paparan media elektronik dan media cetak boleh memperkaitkan tingkah laku golongan remaja yang juga dikategorikan sebagai pelajar. Menurut Sulaiman (2005), masyarakat Islam sering didedahkan dengan pelbagai maklumat yang kurang tepat, palsu, menyeleweng seterusnya merosakkan minda dan keperibadian akhlak yang mulia. Pelbagai aspek dan konsep cara hidup seperti cara hidup *'happy go lucky'*, melepak, mengunjungi pusat hiburan, seks bebas dan sebagainya banyak disiarkan melalui media massa (Mohamad Isa, 2011). Selain itu, ada banyak program dan drama yang dipaparkan mengandungi cara pergaulan bebas, realiti televisyen, cerita ganas yang berbentuk kekerasan serta banyak rancangan yang disifatkan hiburan semata-mata. Sedikit sebanyak akan memberi kesan terhadap pelajar dari segi penampilan akhlak yang bertentangan dengan syariat Islam (Zulkifli, 2011).

Dari sudut pandang sosial, akhlak adalah sendi yang mengikat kukuh hubungan dalam sesebuah komuniti atau masyarakat sehingga dapat menjamin kewujudan, kestabilan, keamanan dan kesejahteraan dalam masyarakat tersebut (Mohamad Isa, 2011). Malah akan turut menjadi punca sebenar kepada kemusnahan kerana keruntuhan nilai akhlak akan melemahkan setiap sendi sesebuah masyarakat (Darussalam, 2004). Sabe (2007), menyatakan para pengkaji kemasyarakatan Barat sendiri menyedari kelemahan ini dan membuat kesimpulan terhadap keperluan kembali kepada unsur pemurnian akhlak terutama sekali melalui agama.

Peratusan keruntuhan akhlak seolah-olah turut meningkat seiring dengan meningkatnya arus pembangunan dalam negara. Masalah sosial remaja sudah mula dianggap sebagai perkara biasa dalam proses perkembangan setiap remaja (Hassan, 2009). Fenomena songsang ini mungkin berkait rapat dengan beberapa faktor sosial yang semakin kendur dan luntur sebagai kesan secara tidak langsung dari perubahan pesat dari segi pembangunan material yang dialami oleh sesebuah masyarakat. Kebelakangan ini masyarakat sedang dihujani dengan masalah moral yang semakin meruncing terutamanya yang melibatkan remaja Islam (Zulkifli, 2011).



Rata-rata pengkaji beranggapan bahawa keluarga adalah satu entiti penting yang akan memberi kesan terhadap sikap dalam diri remaja. Hood (2009) menegaskan bahawa dalam konteks pendidikan agama, keluarga, dan rakan mempunyai perkaitan yang sangat besar dalam penyampaian pendidikan agama dan amalannya. Walau bagaimanapun, penglibatan ibu bapa mula berkurangan apabila anak-anak mula memasuki sekolah menengah (Salleh, 2010). Oleh itu, Noor Aziawati (2010) menyuruh ibu bapa untuk mengambil bahagian dalam menitikberatkan pendidikan anak-anak sehingga mereka dewasa. Terdapat juga pengkaji yang membincangkan peranan entiti lain dalam masyarakat dalam pembentukan sikap remaja termasuk media, agama, tempat kerja dan sekolah (John, 2003; Michael, 2009).

Tingkah laku ditentukan oleh keadaan semasa seperti firman Allah :

فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا (٨) قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا (٩)

Maksud: Maka Dia mengilhamkan kepadanya (jalan) kejahatan dan ketakwaannya, sungguh beruntung orang yang menyucikannya (jiwa itu), dan sungguh rugi orang yang mengotorinya.

(Surah *al-Shams*, 91:8-10)

Ayat ini menjelaskan manusia cenderung kearah kebaikan dan ke arah kejahatan (Zulkifli, 2011). Rasulullah SAW menyebut berkenaan pentingnya seseorang mengambil tahu dengan siapakah dia berkawan kerana pergaulan dengan rakan-rakan akan memberi kesan terhadap akhlak seseorang (Nasir, 2010). Imam al-Ghazali menjelaskan bahawa pergaulan seharian dengan orang yang soleh merupakan faktor pembentukan akhlak yang mulia.

Penguasaan ilmu dalam bentuk pengetahuan dan kefahaman fakta menjadi asas utama dalam memahami ajaran Islam, namun yang lebih utama adalah mengenai sejauh manakah pengetahuan dan kefahaman tersebut mampu membentuk minda, perasaan, dan jiwa mereka dengan nilai ajaran Islam dan seterusnya menghayatinya dalam diri dan kehidupan sebenar (Zulkifli, 2011). Dilihat lebih khusus, kemampuan untuk memahami kandungan rukun Iman dan rukun Islam serta menghayati ajaran

Islam dalam kehidupan sebenar merupakan strategi paling baik untuk membentuk akhlak yang mulia serta melahirkan ciri kecemerlangan pada diri setiap pelakunya. Selain itu, dari berperanan sebagai kriteria utama meramal keberkesanan pelaksanaan pembelajaran sosial.

Allah SWT juga berfirman dalam surah yang lain:

لَهُ مُعَقِّبَاتٌ مِّن بَيْن يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ يَحْفَظُونَهُ مِّنْ أَمْرِ اللَّهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۗ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَ لَهُ ۗ وَمَا لَهُم مِّن دُونِهِ مِن وَالٍ ﴿١١﴾

Maksud: “Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah SWT. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapa pun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapa pun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya.”

(Surah *al-Ra'd*, 13: 11)

Justeru, kejayaan pelaksanaan terhadap pembelajaran sosial pada dasarnya bukan sahaja melibatkan proses kognisi, tetapi turut melibatkan proses metakognisi (kesedaran emosi dan jiwa), perubahan tingkah laku dalam diri seseorang dan amalan dalam konteks kehidupan sebenar (Mohamad Isa, 2011). Dalam hal ini, amalan merupakan sebahagian dari proses pembelajaran sosial itu sendiri (Langgulung, 1987). Bagi mendapat amalan ini memerlukan pelajar mahir mengatur sendiri nilai dan ajaran Islam dalam pembelajaran dan kehidupan sehingga menjadi sehati dalam kehidupan. Pelajar yang mahir mengatur sendiri cara pembelajaran mereka melalui strategi amalan nilai ajaran Islam yang dipelajari dalam kehidupan mereka serta mengambil manfaat dari persekitarannya akan mampu mempertingkatkan amalan akhlak yang menjadi tujuan utama pembelajaran sosial (Zulkifli, 2011). Keupayaan untuk menghayati nilai

ajaran Islam melalui pembelajaran melibatkan proses pengaturan aspek dalaman diri seseorang dalam konteks hubungan antara faktor peribadi (fitrah), tingkah laku dan perkaitan persekitarannya (Al-Ghazali, 2001; Hasan, 1987).

Menurut Sabe (2007), amalan yang memberi tumpuan yang berlebihan kepada bidang kognitif (maklumat dan hafalan) berbanding aspek afektif, psikomotor dan daya berfikir dalam pelaksanaan sistem pembelajaran sosial dikenal pasti antara masalah yang ketara dalam merealisasikan tujuan murni pembelajaran sosial di negara ini. Pada masa yang sama, kaedah pengajaran yang terlalu memaksa generasi muda untuk patuh kepada kuasa guru dan taklid buta yang banyak berlaku dalam pendidikan di kalangan umat Islam. Secara prinsipnya, asas yang membolehkan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar bagi membolehkan pelajar menghayati pembelajaran.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Akhlak yang sempurna merupakan asset yang sangat penting dalam kehidupan sebagai seorang pelajar. Menurut Al-Ghazali (1997), manusia boleh menjadi lebih mulia atau sebaliknya boleh menjadi lebih hina daripada insan lain disebabkan akhlak. Kementerian Pelajaran Malaysia (2008) merekodkan sebanyak tujuh jenis pelanggaran disiplin yang sering dilakukan sepanjang 2007. Pelanggaran disiplin yang paling ramai melibatkan kelakuan kurang sopan pelajar sebanyak 23,220 kes. Ini diikuti dengan perlakuan ponteng sekolah melibatkan 21,060 kes, kelakuan berunsur jenayah sebanyak 18,900, lewat hadir ke sekolah sebanyak 18,360, kenakalan remaja sebanyak 8,640, kesalahan laku musnah seperti merosakan kemudahan awam sebanyak 3,240, dan kes salah laku disiplin berunsur kelucuan sebanyak 2,700 kes. Walaupun jumlah kes pelanggaran disiplin di negara ini jauh lebih rendah berbanding negara lain, Kementerian Pelajaran Malaysia tetap mengagap ia sebagai satu isu yang perlu ditangani secara serius (KPM, 2008).

Antara penyebab utama berlakunya keruntuhan akhlak adalah kes-kes penceraian yang menjadi punca anak melarikan diri dari rumah, seterusnya menyebabkan sebuah keluarga berpisah dan berpecah belah. Mengikut rekod Jabatan kehakiman Syariah Malaysia sebanyak 38035 pasangan bercerai sepanjang tempoh Januari hingga Ogos 2016 (Utusan Melayu, 4 Mei 2016). Statistik penceraian pasangan Islam dalam tempoh lima tahun lalu juga menunjukkan peningkatan ketara iaitu daripada 43,749 kes pada tahun 2011 kepada 53,870 pada tahun 2014, naik sebanyak 10,121 kes.

Menurut kajian Dyana, Doris dan Noraini (2009) kemiskinan, kemurungan, masalah disiplin di kalangan anak-anak, pertambahan kos hidup dengan persekitaran ekonomi yang tidak menentu, masalah sosial dan pelbagai lagi merupakan antara isu yang terpaksa ditangani oleh ibu tunggal. Penceraian antara ibu bapa telah menyebabkan beberapa permasalahan timbul seperti masalah dengan rakan sebaya, kemerosotan dalam pelajaran, sindrom kegelisahan dan sebagainya. Terdapat hubungan yang signifikan antara konflik ibu bapa dengan pembangunan anak-anak dipengaruhi oleh konteks sosio ekonomi. Kanak-kanak yang tinggal dengan keluarga yang bermasalah berkemungkinan menghadapi gejala tekanan dan perlakuan yang agresif. Keputusan menunjukkan konflik keibubapaan dikaitkan dengan penyelarasan anak kedua-duanya secara serentak dan jangka panjang.

Hasil Kajian Azizi Yahya (2014), menunjukkan bahawa pengaruh program-program media berunsur agresif pada tahap sederhana. Responden kajian yang terdiri daripada pelajar-pelajar bermasalah disiplin daripada tiga buah sekolah menengah menunjukkan bahawa ibu bapa tidak bergitu peduli tentang program media yang ditonton bersama. Kegagalan ibu bapa dalam mendisiplin anak-anak juga dilihat sebagai salah satu faktor berlakunya tingah laku devian.

Kepincangan dalam gaya asuhan ibu bapa boleh memberi kesan kepada akhlak yang buruk. Ibu bapa yang memberi perhatian terhadap masalah yang dihadapi oleh anak-anak dapat mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku. Hal ini merujuk

kepada kejadian yang berlaku pada Mei 2013, seorang pelajar sekolah menengah di Kuantan telah bertindak terjun dari tingkat tiga di sekolahnya kerana mengalami tekanan jiwa (Utusan Melayu, 29 Mei 2013). Menurut siasatan polis, ibu bapa mangsa tidak mengetahui masalah anak mereka kerana mangsa merupakan pelajar cemerlang di sekolah. Sementara itu, statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang pada tahun 2014, mencatatkan kanak-kanak berusia 12-16 tahun menjadi mangsa jenayah rogol yang membabitkan suspek yang dikenali oleh mangsa termasuk ahli keluarga dan teman lelaki sendiri (Utusan Melayu, 28 September 2014). Institusi keluarga kini kurang memberi perhatian dalam pembentukan sahsiah terhadap anak-anak yang menyebabkan konflik keluarga berlaku sehingga anak-anak menjadi mangsa dan terdedah kepada pengaruh-pengaruh luar yang lebih dominan (Ahmad Sarji 2007).

Peranan pembelajaran sosial dalam pembentukan akhlak yang mulia dalam diri pelajar bukan sekadar melibatkan proses memindahkan fakta ajaran Islam ke dalam minda pelajar dan mengharapkan pelajar meluahkan kembali fakta tersebut dalam kertas ujian bagi menentukan kejayaan mereka dalam mata pelajaran tersebut sahaja (Nasir, 2010). Walaupun aspek pembelajaran berpusatkan pelajar serta amalan nilai akhlak dalam kehidupan pelajar adalah satu bidang yang perlu diberikan tumpuan utama dalam amalan pendidikan di negara ini khususnya dalam bidang pembelajaran sosial namun penyelidikan secara mendalam mengenainya masih kurang dilakukan sehingga kini (Mohamad Isa, 2011). Tinjauan mendapati bahawa penulisan dan kajian yang dilakukan mengenai pembelajaran sosial di negara ini secara umumnya memberi lebih banyak tumpuan di sekitar persoalan falsafah, prinsip umum sistem pembelajaran sosial serta penyusunan kurikulumnya berbanding dengan kajian mengenai inti proses pendidikan itu sendiri, iaitu tentang bagaimana kanak-kanak itu belajar (Zulkifli, 2011).

Selain itu, ada laporan kajian mengenai pembelajaran sosial juga banyak tertumpu kepada isu tentang masalah mengenai guru secara umum seperti masalah kekurangan guru terlatih dedikasi guru kepada ilmu yang diajarnya, cara pengajaran yang digunakan oleh guru, huru-hara dalam melaksanakan kurikulum seperti kurangnya aspek amali, ketidakupayaan guru dalam menampilkan Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan bersaling kait dengan ilmu lain serta kelemahan guru untuk berperanan sebagai model akhlak yang mulia kepada pelajar (Nasir, 2010).

Keseluruhannya, laporan ini secara tidak langsung dapat menghuraikan punca kelemahan pelajar dalam menguasai pembelajaran sosial dan seterusnya tidak mendapat manfaat dari proses pengajaran dan pembelajaran sosial itu sendiri.

Menurut kajian khusus yang dilakukan mengenai aspek akhlak dalam pembelajaran sosial pula banyak memberi penekanan kepada konsep akhlak dan moral secara perbandingan, tinjauan melalui persepsi pelajar sekolah menengah tentang akhlak, tinjauan umum tentang aspek amalan akhlak dan disiplin pelajar serta ketekalan amalan akhlak dalam kehidupan di kalangan pelajar sekolah menengah agama (Zulkifli, 2011). Selain itu, terdapat juga kajian yang dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara penggunaan modul pengajaran sains dengan pembentukan akhlak pelajar dalam konteks pendidikan bersepadu.

Kajian menunjukkan pembelajaran sosial dalam kalangan pelajar amat signifikan dengan masalah disiplin yang wujud di sekolah (Mohamad Isa, 2011). Pelajar yang mempunyai masalah disiplin adalah disebabkan oleh asuhan ibubapa, pendidikan guru, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh media sosial khususnya artis (Zulkifli, 2011). Masalah disiplin ini menyebabkan akhlak pelajar menjadi semakin rosak. Namun belum ada kajian dilakukan untuk meneliti aspek dalaman ini secara meluas, khususnya tentang strategi pembelajaran sosial dalam pembentukan akhlak yang sempurna (Zulkifli, 2011). Berdasarkan isu di atas, akhlak adalah komponen yang penting dalam membentuk generasi yang mampu membangunkan negara secara holistik. Maka kajian ini dijalankan bagi mengkaji sejauh mana pembelajaran sosial dalam membentuk akhlak yang mulia dalam kalangan pelajar Islam sekolah menengah daerah Johor Bahru.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Sebelum kajian dijalankan dengan lebih mendalam, pengkaji menggariskan beberapa objektif kajian. Objektif ini adalah bertujuan menjadikan kajian yang dijalankan mencapai matlamat yang dibuat. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap perkaitan faktor pembelajaran sosial iaitu ibu bapa, guru, rakan, jiran, dan artis dalam kalangan pelajar sekolah menengah daerah Johor Bahru.
2. Mengenal pasti tahap pengamalan akhlak, iaitu akhlak peribadi, akhlak sosial, dan akhlak agama dalam kalangan pelajar sekolah menengah daerah Johor Bahru.
3. Mengenal pasti perbezaan tahap perkaitan faktor pembelajaran sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah daerah Johor Bahru berdasarkan latar belakang demografi jantina, pendapatan ibu bapa, pekerjaan ibu, dan pekerjaan bapa.
4. Mengenal pasti perbezaan tahap pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menengah daerah Johor Bahru berdasarkan latar belakang demografi jantina, pendapatan ibu bapa, pekerjaan ibu, dan pekerjaan bapa.
5. Mengenal pasti hubungan antara perkaitan faktor pembelajaran sosial dengan pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Bagi mencapai tujuan dan objektif kajian di atas, beberapa persoalan kajian dibina, iaitu:

1. Apakah tahap perkaitan faktor pembelajaran sosial, iaitu ibu bapa, guru, rakan, jiran, dan artis dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
2. Apakah tahap pengamalan akhlak peribadi, akhlak sosial dan akhlak agama dalam kalangan pelajar sekolah menengah?

3. Adakah terdapat perbezaan tahap perkaitan faktor pembelajaran sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah berdasarkan latar belakang demografi jantina, pendapatan ibu bapa, pekerjaan ibu, dan pekerjaan bapa?
4. Adakah terdapat perbezaan tahap pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menengah berdasarkan latar belakang demografi jantina, pendapatan ibu bapa, pekerjaan ibu dan pekerjaan bapa?
5. Adakah terdapat hubungan antara faktor pembelajaran sosial dengan pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menengah?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Bagi soalan kajian (SK) pertama dan kedua, data yang diperolehi bagi soalan-soalan ini dianalisis dan dihuraikan secara deskriptif dengan menggunakan skor min, peratus dan sisihan piawai. Manakala soalan kajian ketiga, keempat dan kelima pula dianalisis dan dihuraikan secara *differential* berpandukan hipotesis yang dibina seperti yang berikut:

Hipotesis Nol bagi soalan kajian ketiga:

- H<sub>01</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap perkaitan faktor pembelajaran sosial dengan pelajar sekolah menengah berdasarkan jantina.
- H<sub>02</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap perkaitan faktor pembelajaran sosial pelajar sekolah menengah dengan pendapatan ibubapa.
- H<sub>03</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap perkaitan faktor pembelajaran sosial pelajar sekolah menengah berdasarkan pekerjaan ibu.
- H<sub>04</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap perkaitan faktor pembelajaran sosial pelajar sekolah menengah berdasarkan pekerjaan bapa.



Hipotesis Nol bagi soalan kajian yang keempat:


- H<sub>05</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengamalan akhlak antara pelajar sekolah menengah dengan jantina.
- H<sub>06</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengamalan akhlak pelajar sekolah menengah dengan pendapatan ibu bapa.
- H<sub>07</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengamalan akhlak pelajar sekolah menengah dengan pekerjaan ibu.
- H<sub>08</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengamalan akhlak pelajar sekolah menengah dengan pekerjaan bapa.

Hipotesis Nol bagi soalan kajian yang kelima:

- H<sub>09</sub> Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara perkaitan faktor pembelajaran sosial dengan pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

## **1.7 Kerangka Teori Kajian**

Kerangka teori kajian yang dibina dalam kajian ini cuba melihat beberapa elemen pembelajaran sosial dan pengamalan akhlak pelajar. Teori kajian ini diambil daripada Albert Bandura (1997), teori al-Ghazali (2004), teori akhlak Darraz (1987) dan Azhar (2006). Teori tersebut digabungkan untuk membentuk satu kerangka teori kajian yang khusus digunakan dalam kajian ini. Kerangka kajian ini seperti yang digambarkan melalui Rajah 1.1.




**Rajah 1.1:** Kerangka Teori Kajian – Teori Albert Bandura (1997), Imam Ghazali (2004) dan Azhar (2006)

Rajah 1.1 di atas menunjukkan secara grafik kerangka teori kajian yang menunjukkan teori pembelajaran sosial yang diadaptasi daripada Bandura, (1997) adalah dan amalan akhlak di adaptasi daripada Teori Imam al-Ghazali. Manakala bagi pengamalan akhlak adalah merangkumi komponen akhlak peribadi, akhlak sosial dan akhlak agama berdasarkan kajian Azhar (2006) (Ahmad, 2006a). Perbincangan yang lebih mendalam berkenaan teori yang dinyatakan dibincang dalam Bab 2.

## 1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konsep kajian ini memberi gambaran secara keseluruhannya tentang hubungan antara beberapa pemboleh ubah yang digunakan dalam keseluruhan kajian ini seperti yang digambarkan melalui Rajah 1.2.



**Rajah 1.2:** Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.2 di atas menunjukkan secara grafik kerangka konsep kajian yang menunjukkan hubungan pembelajaran sosial adalah pemboleh ubah tidak bersandar dan amalan akhlak sebagai pemboleh ubah bersandar yang perbezaan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut dilihat dari segi jantina, pendapatan ibu bapa, pekerjaan bapa dan pekerjaan ibu. Konstruk pemboleh ubah tidak bersandar bagi pembelajaran sosial adalah merangkumi komponen ibu bapa, guru, rakan, jiran dan artis. Manakala konstruk pemboleh ubah bersandar bagi pengamalan akhlak adalah merangkumi komponen akhlak peribadi, akhlak sosial, dan akhlak agama.

Kerangka konseptual kajian di atas menunjukkan pengkaji mengkaji tahap perkaitan faktor pembelajaran sosial ibu bapa, guru, rakan, jiran dan artis serta mengenal pasti tahap pengamalan akhlak peribadi, akhlak sosial, dan akhlak agama dalam kalangan pelajar sekolah menengah daerah Johor Bahru. Selain itu, pengkaji juga mengenal pasti perbezaan tahap perkaitan pembelajaran sosial, iaitu ibu bapa, guru, rakan, jiran dan artis dalam kalangan pelajar sekolah menengah daerah Johor Bahru berdasarkan latar belakang demografi dari segi jantina, pendapatan ibu bapa, pekerjaan ibu dan pekerjaan bapa serta mengenal pasti perbezaan tahap pengamalan

akhlak peribadi, akhlak sosial, dan akhlak agama dalam kalangan pelajar sekolah menengah daerah Johor Bahru berdasarkan latar belakang demografi iaitu jantina, pendapatan ibu bapa, pekerjaan ibu dan pekerjaan bapa. Seterusnya dengan menggunakan analisis korelasi, pengkaji mengenal pasti hubungan antara perkaitan faktor pembelajaran sosial, iaitu ibu bapa, guru, rakan, jiran dan artis dengan pengamalan akhlak peribadi, akhlak sosial, dan akhlak agama dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

## **1.9 Kepentingan Kajian**

Penglibatan pelajar dalam kes juvana amat membimbangkan. Isu ini amat penting yang perlu diberi perhatian serius dari semua pihak sama ada ibu bapa, sekolah dan masyarakat. Maka dengan itu, harapan pengkaji kajian ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat, ibu bapa, remaja dan institusi pendidikan.

### **1.9.1 Kurikulum Pendidikan**

Kajian ini diharapkan dapat merintis ruang yang lebih luas ke arah pelbagai kajian lain dalam usaha untuk memahami secara lebih mendalam tentang konsep pembentukan peribadi mulia melalui pengajaran dan pembelajaran pembelajaran sosial dalam konteks pendidikan di negara ini secara khususnya. Dapatan kajian ini diharapkan akan dapat memberi gambaran jelas terhadap aspek pembelajaran sosial dalam membentuk akhlak selain itu juga boleh menjadi input baru kepada penggubal dasar kurikulum kebangsaan khususnya bagi mengkaji semula struktur, isi kandungan Sukatan Pelajaran, Huraian Sukatan Pelajaran serta pendekatan pengajaran dan

pembelajaran dalam konteks untuk merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta matlamat umum Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah bagi melahirkan generasi pelajar yang beriman, bertakwa, berketrampilan, berakhlak mulia dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Selain dari itu, kesedaran yang mendalam terhadap faktor pembelajaran sosial yang akan memperkaitkan pembentukan akhlak pelajar juga boleh menjadi panduan dalam merangka pelan strategik pembangunan remaja oleh pelbagai pihak di negara ini terutamanya dalam usaha mengatasi masalah keruntuhan akhlak dan gejala sosial di kalangan belia dan remaja. Dapatan dari kajian ini diharap boleh membantu penggubal dasar pendidikan, penggubal dasar pembangunan negara dan pembangunan insan serta masyarakat keseluruhannya dalam menggubal dasar, strategi, dan budaya pembangunan masyarakat dan belia secara bersepadu khususnya ke arah melahirkan warganegara yang beriman, bertakwa, berketrampilan, berakhlak mulia, mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat dan menyumbang kepada pembangunan negara yang mampan dan berdaya saing seperti yang dihasratkan dalam Dasar Jangka Panjang Pembangunan Negara dan Wawasan 2020.

### **1.9.2 Ibu Bapa**

Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu ibu bapa untuk menilai semula kaedah pembelajaran sosial yang diterapkan terhadap anak-anak yang telah diberikan selama ini. Sekiranya kaedah pembelajaran sosial yang diterapkan ibu bapa selama ini terhadap anak-anak dapat menghasilkan anak-anak yang baik tingkahlaku dan sahsiah diri, maka kaedah pembelajaran sosial yang diterapkan ini bolehlah diteruskan untuk generasi seterusnya dalam keluarga tersebut, namun jika sebaliknya berlaku, maka ibu bapa haruslah menyemak semula kaedah pembelajaran sosial yang diterapkan mereka selama ini dan membuat penambahbaikan segera bagi menghasilkan anak-anak dan generasi masa depan yang lebih baik dan berkualiti. Pembinaan konsep sendiri yang

positif dalam diri anak-anak turut dapat dicapai dengan baik sejak dari awal kanak-kanak ini membesar berdasarkan kaedah pembelajaran sosial yang diterima oleh mereka di rumah.

### **1.9.3 Guru dan Sekolah**

Kajian ini akan mendorong kesediaan guru untuk mendidik para pelajar agar menjaga akhlak sejak awal persekolahan lagi. Penerapan nilai-nilai murni melalui pendekatan yang bersesuaian terhadap para pelajar sama ada sewaktu sesi pembelajaran di dalam kelas mahu pun di luar kelas secara berterusan dapat membantu pelajar agar tidak terlibat dengan perbuatan salah laku serta lebih menumpukan kepada pencapaian akademik dan pembentukan sahsiah diri. Hal ini secara tidak langsung akan mendorong para pelajar untuk membina akhlak positif yang kukuh dan mantap dalam diri masing-masing.

Selain itu, pihak pentadbir sekolah boleh menggalakkan guru-guru untuk menggunakan pendekatan yang lebih sesuai terhadap para pelajar dalam membina akhlak yang positif melalui perlantikan para pelajar dalam memegang jawatan-jawatan tertinggi di sekolah sama ada dalam bidang kurikulum mahupun kokurikulum. Pelajar-pelajar yang diberi kepercayaan dan peluang untuk mengharumkan nama sekolah dengan menyertai pelbagai pertandingan yang dianjurkan serta sebagai wakil pelajar dalam menghadiri apa-apa aktiviti di luar sekolah akan merasakan diri mereka dihargai dan disayangi.

### **1.10 Batasan Kajian**

Kajian ini secara keseluruhannya memberi tumpuan terhadap pendekatan perkaitan pembelajaran sosial dan pengamalan akhlak di kalangan responden yang terlibat dalam kajian ini. Pendekatan dan kaedah ini mungkin membataskan skop pengumpulan data dari beberapa isu secara lebih mendalam tentang fenomena yang ingin ditinjau dalam kajian ini secara keseluruhannya. Namun, sebagai sebuah kajian awal yang bersifat tinjauan, iaitu dengan mengumpulkan segala data dan analisis berpandukan borang soal selidik yang diisi oleh responden.

Dari segi persampelan, populasi yang diambil dalam kajian dibataskan kepada pelajar tingkatan empat yang beragama Islam di sekolah menengah harian di Johor Bahru yang menghadapi masalah disiplin dan ponteng sekolah. Pemilihan pelajar tingkatan empat dibuat berdasarkan tahap kematangan pelajar untuk memberi respon tentang konstruk utama yang digunakan dalam kajian ini. Pelajar yang sedang belajar di tingkatan empat juga mengikuti mata pelajaran Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sekurang-kurang selama sembilan tahun dan diandaikan melalui sebahagian besar dari komponen kurikulum Pendidikan Islam yang digunakan dalam kajian ini secara langsung atau tidak langsung.

### **1.11 Definisi Operasional**

Kajian ini dijalankan berasaskan beberapa teori dan konsep yang dirumuskan kepada beberapa definisi operasional seperti di bawah.

### **1.11.1 Pembelajaran Sosial**

Pembelajaran sosial, dapat didefinisikan sebagai perubahan dalam pemahaman yang melibatkan individu yang berada dalam unit sosial atau masyarakat yang lebih besar melalui interaksi sosial antara mereka yang berada dalam rangkaian sosial (Reed, 2010).

Menurut Bandura (1977), pembelajaran sosial didefinisikan sebagai satu pembelajaran yang berlaku dengan memerhati orang lain melakukan sesuatu atau menjadikan seseorang sebagai model tingkah laku. Ini bererti persekitaran dan juga orang-orang yang signifikan akan mempengaruhi tingkah laku.

Bandura juga menyatakan seseorang individu akan memerhatikan sesuatu tingkah laku daripada orang lain yang signifikan dengannya dan menyimpan maklumat yang diperhatikan secara kognitif dan seterusnya mempersembahkan tingkah laku tersebut.

Pembelajaran adalah melalui peniruan, mengajuk dan memadan. Biasanya, setiap individu terutama kanak-kanak akan menilai sesuatu perkara berasaskan kepada perkara yang pernah dilihat oleh mereka daripada orang-orang yang signifikan dan persekitaran. Bandura mendapati kanak-kanak akan mencontohi tingkah laku agresif selepas menonton filem yang berunsurkan aksi agresif (Eron, 1982).

### **1.11.2 Akhlak**

Akhlak ialah sifat yang tertanam dalam jiwa yang dengannya akan melahirkan pelbagai perbuatan baik atau buruk tanpa memerlukan pertimbangan (Asmara 1992;



Ibn Miskawaih 1985; Saedah 2003). Ab Halim (2000) mendefinisikan akhlak sebagai satu set kepercayaan, undang-undang dan sistem yang berkaitan tingkah laku dan tindakan moral manusia yang menentukan tindakan seorang itu samada baik atau buruk, benar atau salah diterima atau tidak dalam Islam. Akhlak juga meliputi unsur-unsur dalaman atau rohani yang telah menjadi kepercayaan serta menjadi penerak untuk menampilkan tingkah laku tertentu yang telah menjadi kebiasaan (Zaharah, 2008).

Menurut al-Ghazali (1980), akhlak bermaksud amalan yang baik sentiasa dilakukan akhirnya menjadi satu kebiasaan yang tidak dapat dikikis oleh faktor semasa dan persekitaraan. Al- Jazairi (2006) menyatakan akhlak sebagai jiwa seseorang dididik dengan mengutamakan kebaikan, kebenaran, cinta kepada makruf, suka kepada kebaikan serta dilatih mencintai yang terpuji dan membenci yang tercela, maka sifat tersebut menjadi tabiat yang akan melahirkan perbuatan baik dengan secara mudah tanpa paksaan dengan itu seorang dikatakan berakhlak mulia.

### **1.11.3 Pelajar Sekolah**

Menurut kamus Dewan Edisi Keempat (2007) ialah orang yang belajar seperti murid sekolah penuntut di maktab dan sebagainya, orang yang mengaji (menyelidik ilmu) di sekolah menengah dan universiti. Di dalam kajian ini pelajar adalah pelajar yang belajar di tingkatan empat sekolah menengah kebangsaan di daerah Johor Bahru. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007: 1415), sekolah ialah tempat untuk belajar, mengajar tempat menerima dan memberi pelajaran.

#### **1.11.4 Disiplin**

Menurut Abullah Sani (2006) Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pendidikan (1979) ada dijelaskan disiplin itu bermakna :

- i. Kesanggupan seseorang itu berkerja atau membuat sesuatu dengan cukup tertib.
- ii. Kesanggupan menghormati hak individu oarang lain.
- iii. Kesanggupan mengamalkan tingkah laku yang baik dan tidak mengganggu kepentingan orang lain.
- iv. Kesanggupan menghormati anatara satu dengan lain dan mempunyai semangat tolong menolong.
- v. Kesanggupan memperbaiki keadaan yang sedia ada menerusi usaha yang membina serta sanggup berkhidmat kepada masyarakat.

Oleh itu disiplin adalah satu komponen yang penting dalam sistem persekolahan yang berkait rapat berkenaan tatatertib, tatasusila keadaaan akhlak dan kesopanan.

#### **1.12 Penutup**

Bab ini membincangkan andaian asas yang membawa keperluan untuk menjalankan kajian ini iaitu untuk mengenal pasti perkaitan faktor pembelajaran sosial dan pengamalan akhlak di kalangan pelajar yang bermasalah disiplin di sekolah menengah. Dapatan kajian ini di harapkan dapat memberi gambaran tentang masalah akhlak pelajar di daerah Johor Bahru. Sorotan dan tinjauan penulisan yang berkaitan dengan kajian dibincangkan dalam bab seterusnya.

## RUJUKAN

- Abdullah, F. (2011). *Urbanisasi dan kekeluargaan:satu kajian kes kelas menengah Melayu di Kuala Lumpur*. (PhD.), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdullah Sani Yahaya. (2006). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Kuala Lumpur : PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Al Quranul Karim. (2015). Selangor : Al-Hidayah House of Qur'an Sdn Bhd.
- Aeril, D. T. (2011). Family and friends as a social environment and their relationship to young adolescents use of alcohol, tobacco and marijuana. *Marriage and the Family*, 49, 151 - 164.
- Ahmad, A. (2006a). *Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. (Sarjana), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Ahmad, A. (2006b). *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. (2003). *Gejala Sosial Dalam Masyarakat Islam Punca dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors.
- Al-Attas, S. M. N. (1980). *The concept of education in Islam*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Al-Ghazali, M. (2001). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Qahirah: Maktabah Zahran.
- Al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. (2004). *Ihya' 'ulum al-din*. Jil. 1-5. Al-Qahirah: Dar al-Afaq al-'Arabiyah.
- Ali, F. b. (2007). *Masalah Sosial Pelajar Dan Hubungannya Dengan Kemosrotan Pembelajaran*. Tesis Master. UM.
- Amornthip Amraphibal, T. R. Anusorn Payakkakom. (2013). A Model Explaining Violent Behavior Among Youth: A Case Study Of Middle School Students In Bangkok, Thailand. *International Journal Of Asian Social Science*.
- Azizah Lebai Nordin. (2002). *Masalah Disiplin di Kalangan Remaja*. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya: Tesis Ph.D

- Azizi Yahaya, Halimah Ma'alip, Ronnel Dunggi. (2014). *Pengaruh Media Berunsur Agresif dan Kesannya Terhadap Tingkah laku Pelajar Sekolah Menengah*. National Action Research Conference 2014
- Bandura, A. (1997). *Social learning theory*. New Jersey. Prentice-Hall.
- Barnes, G. F. M. P. (2011). Parential support & control as predictors of adolescent drinking, delinquency and related problem behavior. *Marriage and the Family*, 54, 763 -766.
- Bennabi, M. (2008). "On the Origins of Human Society." . *mohamed*.
- Berne, E. (1964). *Games people play: The psychology of human relationships*. New York: Ballantine Books.
- Blessings, L. T. M. C. A. (2009). *A Design Research Methodology*. New York: Springer.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The Ecology of the Family as a Context of Human Development: Experiments by Nature and Design*. Cambridge. MA: Harvard University Press.
- Brookover, W. T. a. L., L. W. (1979). *Changes in School Charateristics Coincident with Changes Students Achievement* No.17 Occasional Paper. Michigan State University: Institute of Research on Teaching.
- Bruner, J. S. (1960). *The Process of Education*. New York: Vintage Books.
- Buri, J. R. (1991). *Parental Authority Questionnaire*. *Personality Assessment*, 57, 110 - 119.
- Chapra, M. U. (1998). "Economic Development In Muslim Countries: A Strategy For Development In The Light Of Islamic Teachings". *Misbah Oreibi (Ed.). Contribution of Islamic Thought to Modern Economics*, 129 - 199.
- Clark-Carter, D. (2010). *Quantitative Psychological Research: The Complete Student's Companion*. East Sussex: Psychology Press.
- Darraz, M. A. (1987). *Prinsip akhlak berdasarkan al-Quran (The Principle of akhalaq Based on Al-Quran)*. Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur (translated by Mohd Sulaiman Yassin, Abdul Fatah Ibrahim, W. Aman Wan Yaacob and Abdullah Md. Zain).
- Darussalam, G. (2004). *Pedagogi Pembelajaran sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Desa, A. (2004). *Psikologi Untuk Golongan Professional*. Edisi 2. Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

- Dora, M. T. (2004). *Isu dan faktor penderaan kanak-kanak dan juvana di negeri Johor Darul Takzim*. Kertas kerja Simposium Kebangsaan Kebajikan Kanak-kanak 2004.
- El-Muhammady, A. H. (2011). “*Peranan Guru dalam Pendidikan Islam.*” *Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Sarjana*.
- Elliot, C. D. A., W. (2011). *Models of parenting : Implications for adolescent well-being within different types of family context*. *Adolescence*, 18, 253 - 270.
- Faizah Abdul Ghani, (2013). *The implication of parenting Style on the Akhlak Of Muslim teenagers in the South of Malaysia*. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 114, 761 - 765.
- Fariza Md. Sham, S. I. I. E. (2009). *Dakwah Dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Fatimah Ali. (2007). *Masalah Sosial Pelajar dan Hubungannya Dengan Kemosrotan Pembelajaran*. *Jurnal Usuluddin*. Universiti Malaya. Bil.25.145-154.
- Fauziyani, K. A. d. S. (2007). *Cabaran Semasa Dalam Membentuk Keluarga Islam Berkualiti*. Dalam Azlina Sobian Keluarga Islam, Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa. IKIM Kuala Lumpur.
- Garett, M. (2011). *Social class and delinquency: prediction and outcomes of plice juvenile encounters*. *Social Problem*, 22, 368 - 383.
- Greenland, J. R. (1980). *Problem of teaching akhlak values in a changing society*. *International review of education*, 2, 97 - 101.
- Harian, B. (2007). *Perluaskan Peranan Kaunselor*. Sapora Sipon.
- Hasan, M. K. (1987). *Peranan akhlak dalam pendidikan*. *Pendidikan Islam*, 8.
- Hashim, R. A. R. d. N. H. (2005). “*Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan Sekolah Rendah.*” *Prosiding Seminar Pendidikan JPPG*, Universiti Sains Malaysia.
- Hassan, K. Z. W. Z. W. (2009). *Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes*. *Islamic and Arabic Education*, 1, 1 - 14.
- Holt, J. (1970). *How Children Fail*. *Hommondsworth: Penguin*.
- Hood, J. R. W., Hill, P. C. & Spilka, B. (2009). *Psychology of Religion: An Empirical Approach*. New York: The Guildford Press.
- Ibn Khaldun, A. a. -R. b. M. K. a. -H. (2002). *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Idris, M. R. (2005). *Pertubuhan dakwah dan fenomena Siti Nurhaliza*. Al-Islam, 378, 36 - 38.
- Idris, N. (2010a). *Penyelidikan dalam pendidikan Malaysia*: McGraw Hill.
- Idris, N. (2010b). *Penyelidikan dalam pendidikan Malaysia* McGraw Hill.
- Irwan Fariza Sidik, A. R. A., Arba'at Hassan & Ahamad Rahim. (2010). *Mendorong Minat Belajar Anak Orang Asli: Berdasarkan Faktor Keluarga, Personaliti, Rakan Sebaya dan Persekitaran*. Proceeding International Seminar: Comparative Studies in Educational System between Indonesia and Malaysia, 453 - 464.
- John, J. M. (2003). *Sociology*. London: Prentice Hall.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan*. Edisi Pelancaran.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2008. *Bahagian Pendidikan Islam dan Moral*.
- Kohlberg, L. (1976). Akhlak stages and akhlakization: The cognitive-developmental approach. Dlm. Lickona, T. (pnyt). . *Akhlak Development and Behavior: Theory, Research and Social Issues*, 31 - 53.
- Konting, M. M. (1998). Kaedah penyelidikan pendidikan. *Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Krejcie R. V. dan Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *educational and psychological measurement*, 30: , 607 - 610.
- Langgulung, H. (1987). Asas-asas Pembelajaran sosial. *Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Lind, G. (2015). Favorable Learning Environments For Moral Competence Development. *University Of Konstanz*.
- Loeber, R. S. -L., M. (2011). Family factors as correlates and predictors of juvenile conduct problems and delinquency. *Crime and Justice: An annual review of research*, 7, 29 - 49.
- Marican, S. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Marican, S. (2009). Pendidikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik. *Malaysia: Edusystem Sdn. Bhd.*
- Michael, K. A., A. (2009). *Sociology Now. The Essentials*. Boston: Pearson.
- Miskawaih, A. I. M. (1966). "Tahdhib al-Akhlaq" C. K. Zuraik, *Beirut: American University of Beirut*.

- Mohamad Isa, A. (2011). Pertautan ibubapa dan rakan sebaya dalam kalangan pelajar university serta hubungannya dengan yakin diri dan eksplorasi diri. *Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor*.
- Muijs, D. (2010). *Doing Quantitative Research in Education with SPSS*. SAGE Publications Ltd.
- Najati, M. U. (1993). "Al-Hadith al- Nabawiy wa 'Ilmu al-Nafs". *Beirut: Dar al-Syuruq*.
- Nasir, M. (2010). *Falsafah Akhlak*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nathan, V. J. (2004). Kajian juvana India. Kertas kerja Simposium Kebangsaan Kebajikan Kanak-kanak 2004. *The Gurney Resort Hotel & Residences, Pulau Pinang*.
- Noor Aziawati Binti Che Ali, A. R. A., Arba'at Hassan & Ahamad Bin Rahim. (2010). Hubungan Faktor Keluarga Terhadap Keciciran Murid Orang Asli Di SK Tekir Labu, Negeri Sembilan. *Proceeding of International Seminar: Comparative Studies in Educational System Between Indonesia and Malaysia*. Bandung, Indonesia: Rizqi Press, 441 - 452.
- Noordin, T. A. (1999). "Falsafah Pendidikan Negara : Satu Reformasi Pembangunan Abad Ke- 21." *Isu-isu Pendidikan Negara*, 1, 76 - 90.
- Norazani Ahmad, J. A. d. H. T. (2004). "Pembelajaran sosial dan Pembentukan Identiti Pelajar : Analisis Dari Perspektif Kaunseling." . *Jabatan Falsafah dan Teknologi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi*.
- online, U. (2005). Ucapan YAB Tun Abdullah Ahmad Badawi dari Pelancaran kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni di Istana Budaya *UTUSAN ONLINE*.
- Piaw, C. Y. (2009). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Buku. Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Reed, M. S. , Evely, A. C. , Cundill, G. Fazey, I. Glass, J. , Laing, A. , Newig, J. , Parrish, B. Prell, C. , Raymond, C. , & Stringer, L. C. . (2010). What is Social Learning? Ecology and Society. <http://www.ecologyandsociety.org/volXX/issYY/artZZ/>.
- Riyani. , Y. (2012). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Belajar Mahasiswa (Studi Pada Mahasiswa Jurusan Akuntansi Politeknik Negeri Pontianak). 8, 19 - 25.
- Sabe, J. C. (2007). The Crisis in Religious Socialization: An Analytical Proposal. *Social Compass*, 54.

- Salleh, A. R. Z. N. M. (2010). Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak-anak Ketika di Sekolah Menengah dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Murid. *Proceeding of International Seminar: Comparative Studies in Educational System Between Indonesia and Malaysia*. Bandung, Indonesia: Rizqi Press.
- Sams, C. R. C. D. (2012). Advancing Cognitive Moral Development: A Field Observation Of College Students. *Academic And Business Ethics*.
- Schmaling, D. (2011). Attachment beyond infancy. *American Psychologist*, 709 - 716.
- Shaari, M. (2009). Memahami ilmu perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak bagi pendidikan berkesan. *Pembelajaran Sosial*, 13.
- Shaffer, D. R. (2000). Sosial & Personality Development. Belmont, C. A: Wadsworth/Thomson Learning.
- Siti Nor Yaacob, A. A. -H. M. K. (2012). Faktor-faktor keluarga dan tingkah laku tidak bermoral di kalangan remaja. *Manusia dan Masyarakat*, 9, 125 - 141.
- Sternberg, L., Dornbusch, S. M dan Brown, B. B. (1992). Ethnic differences in adolescent achievement: An ecological perspectives. *American Psychologist*, 47, 723 - 799.
- Suhid, A. (2005a). Kerelevanan Pendidikan Nilai dan Agama Dalam Pembentukan Masyarakat Madani *Pembelajaran Sosial* (Vol. 2, pp. 69 - 82).
- Suhid, A. (2005b). *Pemantapan Komponen Akhlak Dalam Pembelajaran sosial Bagi Menangani Era Globalisasi*. (Master), Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Suhid, A. (2005c). Pemantapan Komponen akhlak dalam pembelajaran sosial bagi menangani era globalisasi. *Kemanusiaan, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia*, 6, 95 - 103.
- Sulaiman, H. (2005). Pembelajaran sosial dan pengaruh persekitaran dan kemajuan: Kesan kepada pembentukan sahsiah dlm masalah pendidikan. *Kuala Lumpur: Universiti Malaya*, 28, 71 - 78.
- Sulaiman. , Z. (1995). Pengurusan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah di Luar Bandar: Kes Empat Buah Sekolah Menengah di Negeri Kedah Darul Aman. *Tesis Sarjana. Kedah: Universiti Utara Malaysia*.
- Sulung, A. & Abdullah, M. (2009). *Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar*.
- Sutherland, T. C. F. (1984). Parental characteristics in relations to depressive disorders. *British Journal of Psychiatry*, 134, 138 - 147.



- Sylviyanah, S. (2012). Pembinaan Akhlak Mulia Pada Sekolah Dasar. Pengaruh Faktor Psikososial ke Atas Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Belia Institusi Pengajian Tinggi Awam Terpilih di Malaysia. *Tabawi*.
- Talib, J. (2007). Pengaruh gaya keibubapaan terhadap pencapaian akademik kanak-kanak. Dlm. Wacana Pengajian Umum. *Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia*, 77 - 94.
- Tamuri, A. H. & Ismail, Z. (2006). Hubungan Media Massa Dengan Pegangan Akhlak dan Pengajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian Remaja di Sabak Bernam. Prosiding Wacana Pendidikan Islam siri ke -5: 1-8. UKM. *Bangi: Fakulti Pendidikan*.
- Tamuri, A. H. & Ismail, Z. (2009). Hubungan antara pegangan nilai moral dengan media massa: Tinjauan ke atas remaja Melayu luar bandar. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 27, 199 - 212.
- Umaruddin, M. (2003). The Ethical Philosophy of al-Ghazali. *India: Adam Publishers*.
- Uthmani, A. -Q. A. -K. R. (2010). terjemahan *Al Hidayah House of Quran Sdn Bhd. Selangor*.
- Utusan, o. (2005). Ucapan YAB Tun Abdullah Ahmad Badawi dari Pelancaran kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni di Istana Budaya <http://www.cwru.edu/orgs/masa/ucapan%20pm.doc>.
- Utusan Melayu Online (29 Mei 2013). *Polis, JPN fokus jenayah remaja*.
- Utusan Melayu Online (28 September 2014). *Rogol: Remaja antara tertinggi menjadi mangsa*
- Utusan Melayu Online (4 Mei 2016). *Kadar penceraian semakin meningkat*
- Vygotsky, L. S. C. (1978). Mind in society. The Development of Higher Psychological Processes. (New edition, edited by M. Cole, V. John Steiner, S. Scribner and E. Souberman).
- Wan Saliha Yusoff, N. S. Z., Ahmad Fahmi Mahmood & Noor Asliza Abdul Rahim (2010). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penentuan Identiti Diri Remaja Melayu. *Universiti Malaysia Perlis*.
- Willms, J. D. (1992). Monitoring School Performance: A Guide for Educators. *London: The Falmer Press. Jurnal Hadhari Special Edition*, 155.
- Winne, P. H. (2011). A Cognitive and Metacognitive Analysis of Self-regulated Learning (Chapter 2) pp.15-32. In Zimmerman, B. J. & Schunk, D. H. (Eds.) (2011). *Handbook of Self-regulation of Learning and Performance*. NY: Routledge.

Yusoff, A. S. d. E. E. (2005). "Penghayatan Nilai-nilai Murni Ke Arah Pembentukan Disiplin Pelajar." *Prosiding Seminar Pendidikan JPPG 2005, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*.

Zulkifli, A. H. O. Jamilah, Aminah, A & IsmiArif, I. (2011). "Hubungan di antara penglibatan ibubapa dan pencapaian akademik pelajar miskin di negeri Selangor. ." *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 3, 31 - 40.